



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

2 Feb 2021 (Selasa)

Berita Harian

'Tiada hospital, klinik swasta lewat maklum kes' 1

Utusan Malaysia

Tidak sorok pesakit Covid-19 2

Harian Metro

Sambut Tahun Baru Cina dalam talian 3

Siasatan peringkat akhir 4

Maaf.. jangan cari kami 5

Kosmo

Laman web kastam, CIDB digodam 6

Siasatan 'Agama Melayu' hampir selesai 7

Sinar Harian

Kertas siasatan kes ajaran Islam Melayu hampir lengkap, kata Ahmad Marzuk 8

Perlu proaktif pulihara bangunan bersejarah 9

Kecewa, kesal aduan tak diendah 10

Pengurusan PPR Lembah Subang 1 bawah seliaan KPKT, bukan PBT 11

Bernamea Radio 24

Sambutan Tahun Baru Cina Secara Maya 12

Selangor TV

Pembukaan pasar pagi secara berperingkat, - MPK 13

Rai Tahun Baru Harapan Baru 12 Februari ini 14

22 pasar tani di Selangor beroperasi mulai hari ini 15

ADN: 200 tablet bantu murid B40 belajar dalam talian 16

DUN Bukit Melawati tawar saringan RTK berharga RM40, RM20 17

MPK: Pasar pagi dibuka mulai esok, patuh SOP 18

The Star

COUNCIL MATTERS 19

Glad to be back in business 20

Sultan's call to preserve heritage buildings resonates with the rakyat 21

'Don't handle the produce' 22

MBSA provides bins for bulk waste from CNY spring cleaning 23

RM2mil in discount vouchers disbursed under Selangor govt CNY e-bazaar initiative 24

Ways to silence the noisy revs of errant motorbike riders 25

New Straits Times

Selangor govt to hold 'virtual CNY open house' 26

The Sun

Online celebration for Chinese New Year in Selangor 27

Lite FM

Selangor organizes Chinese New Year celebrations online 28

Selangor organizes Chinese New Year celebrations online 29



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



The Malaysian Reserve

Selangor govt goes online for CNY celebration 30

Traxx FM (90.3)

Selangor is organizing Chinese New Year celebrations online 31

Nanyang Siang Pau

Selangor government cost RM410 thousand to make, online Spring Festival Gala will be boardcast in 1st day of Chinese New Year 32

Oriental Daily

Selangor hold Spring Festival Gala online, and will be broadcast in 1st day of Chinese New Year 33

Guang Ming Daily

MPKJ approves Sg Long's morning market hawkers to operate in their original place without having to move. 34

Selangor Sultan: The historical buildings in Kuala Lumpur must be properly repaired to avoid national losses. 35

RTM2

Sambutan Tahun Baru Cina Dalam Talian 36

Sambutan Tahun Baru Cina Dalam Talian 37



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 2 February 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	'Tiada hospital, klinik swasta lewat maklum kes'
Muka Surat	:	5

‘Tiada hospital, klinik swasta lewat maklum kes’

Kuala Lumpur: Hospital atau klinik swasta yang menjalankan ujian saringan COVID-19 tidak melambatkan pelaporan kes, sekali gus melanggar peraturan menetapkan kes penyakit berjangkit dilaporkan serta-merta.

Presiden Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM), Datuk Dr Kuljit Singh, berkata pihaknya tiada menerima laporan atau mengenal pasti pengamal swasta yang melengahkan proses pelaporan ditetapkan.

“Kami perlu meneliti dan mengesahkan jika ada hospital atau klinik swasta melambatkan pelaporan kerana kebiasaannya apabila keputusan keluar, ia terus dihantar serta-merta.

“Bagaimanapun, kadang-kadang kita mendapat laporan agak lambat dari makmal.

“Pihak makmal juga terlalu sibuk memproses ujian saringan COVID-19 yang terus meningkat,” katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Kelmarin, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, memaklumkan peningkatan kes harian COVID-19 secara mendadak sejak beberapa hari lalu antaranya berpunca daripada kelewatan pelaporan menggunakan Sistem Makmal Kesihatan Awam (SIMKA) oleh fasiliti swasta.

Dr Kuljit berkata, hospital dan klinik swasta sudah melakukan

yang terbaik mengikut kemampuan dan kapasiti semasa bagi mengurangkan beban hospital kerajaan.

Katanya, kenyataan Dr Noor Hisham menyebut kelewatan pelaporan itu berlaku di pihak Kementerian.

“Apabila terlalu banyak data dihantar dari seluruh negara, prosesnya akan sedikit lambat,” katanya.

Beliau turut mengulas kenyataan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari, yang akan mengenakan tindakan kompaun melalui Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) kepada klinik atau hospital swasta yang tidak melapor-

kan kes positif secara terus pada hari yang sama melalui SIMKA.

“Ugutan sedemikian tidak wajar, sebaiknya berbincang dan beri amaran jika benar ada pengamal swasta melakukan tindakan sedemikian,” katanya.

Dr Kuljit memaklumkan, hospital swasta sudah mula menerima dan merawat pesakit COVID-19 mengikut kemampuan pusat perubatan masing-masing.

Katanya, inisiatif itu dimulakan sejak lebih sebulan lalu tetapi bezanya dahulu pesakit COVID-19 boleh dihantar ke hospital kerajaan.

“Sekarang ini disebabkan tiada katil, kita teruskan rawatan menyeluruh di hospital swasta.

“Hospital swasta yang ada fasiliti seperti katil di unit rawatan rapi (ICU) boleh menerima pesakit COVID-19 termasuk yang kritikal atau berada di tahap lima,” katanya.

Beliau menambah, jumlah pesakit yang dikendalikan hospital swasta agak kecil memandangkan mereka tidak mempunyai tenaga pakar dan kemudahan sebagaimana dimiliki hospital kerajaan.

Mengikut data Kementerian Kesihatan (KKM), setakat ini 96 hospital swasta bersetuju menyediakan rawatan COVID-19 dengan kemudahan 1,252 katil, 65 katil ICU dan 54 mesin ventilator.



KERATAN AKHBAR
2 February 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Tidak sorok pesakit Covid-19
Muka Surat	:	31



KAKITANGAN Megaklinik Zahran melakukan ujian saringan terhadap seorang individu di cawangan Johor Bahru, Johor, baru-baru ini.

Tidak sorok pesakit Covid-19

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**
 rohaizah.zainal@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Klinik swasta yang mengendalikan ujian saringan tidak menyembunyikan keputusan pesakit yang menunjukkan positif Covid-19.

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Megaklinik Zahran, Mohd. Nafidz Abdul Razak berkata, pihaknya sentiasa mengemas kini keputusan positif Covid-19 menerusi Unit Notifikasi Khas Covid-19 yang ditubuhkan sejak tahun lalu.

Katanya, unit khas itu ditubuhkan untuk mengendalikan pesakit positif dengan memaklumkan keputusan semasa kepada Pejabat kesihatan Daerah (PKD) dan di dalam Sistem Informasi Makmal Kesihatan

Awam (SIMKA).

"Seramai 10 individu ditugaskan dalam unit khas tersebut kerana setiap keputusan diperoleh dua kali iaitu pagi dan petang. Apabila keputusan diperoleh dan menunjukkan positif, kita terus memaklumkan kepada Kementerian Kesihatan.

"Setakat ini, kira-kira 500 individu melakukan ujian saringan setiap hari dengan melalui dua kaedah sama ada menggunakan Polymerase Chain Reaction (PCR) dan kit ujian Rapid Antigen (RTK-Ag). Keputusan setiap hari ujian saringan menunjukkan kira-kira sepuluh peratus atau 20 hingga 50 individu yang melakukan ujian saringan didapati positif Covid-19m," katanya ketika dihubungi *Utusan Ma-*

laysia di sini, semalam.

Semalam, Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari memaklumkan tindakan klinik dan hospital swasta yang tidak melaporkan secara terus kes Covid-19 adalah salah satu faktor penyumbang peningkatan virus itu direkodkan di Selangor.

Malah, peningkatan kes Covid-19 di negeri ini disebabkan kes kumulatif daripada saringan pekerja kilang dan di penjara yang dapat dikesan kes yang berlaku 10 hari yang lalu.

Mohd. Nafidz menegaskan, tiada isu menyorokkan keputusan semasa Covid-19 dan terus memberi kerjasama kepada kerajaan dalam usaha memutuskan rantaian virus.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan, pihaknya tidak

mempunyai kuasa mutlak untuk mengambil tindakan lanjut terhadap pesakit kecuali menasihatkan mereka supaya kekal berada di rumah agar dapat memutuskan rantaian Covid-19.

"Kita mencadangkan supaya kerajaan memperbaiki sistem dengan memberi kuasa kepada klinik dan hospital swasta untuk mengendalikan kes pesakit Covid-19 agar dapat bertindak pantas.

"Mungkin mereka boleh memberikan kuasa kepada klinik dan hospital swasta untuk memberikan gelang pink kepada pesakit. Apabila keputusan diperoleh positif, kita boleh terus ke rumah pesakit untuk memakaikan gelang pink," ujarnya yang mempunyai 11 cawangan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
2 February 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Sambut Tahun Baru Cina dalam talian
Muka Surat	:	7



SEORANG pelanggan, Tan Chia Hok, 43, kelihatan sibuk membeli tanggung sebagai persiapan bagi menyambut Tahun Baru Cina di Kuantan. Meskipun negara menjalani Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) namun masyarakat Cina tetap bersemangat membuat persiapan untuk menyambut perayaan itu mengikut SOP ditetapkan.

Sambut Tahun Baru Cina dalam talian

Shah Alam: Selangor akan menganjurkan sambutan Tahun Baru Cina peringkat negeri secara dalam talian iaitu menerusi platform media sosial buat julung kalinya pada 12 Februari ini.

Exco Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan dan Industri Kecil dan Sederhana negeri, Datuk Teng Chang Khin berkata, sambutan yang bertemakan Tahun Baru, Harapan Baru itu akan disiarkan di laman Facebook Menteri Besar Selangor dan media dalam talian pada hari pertama Tahun Baru Cina bermula 9 malam.

"Sambutan perayaan ini menerusi platform media sosial adalah susulan ke-

adaan semasa pandemik Covid-19 yang tidak membenarkan penganjuran acara besar dan perhimpunan orang ramai.

"Ia juga dapat memberikan impak positif kepada masyarakat berbilang kaum, terutamanya di Selangor, apabila masyarakat Melayu, India dan lain-lain juga dapat menonton persembahan yang disediakan sepanjang program itu berlangsung," katanya.

Menurut beliau, kaedah penerbitan program istimewa secara maya itu dilihat sebagai

alternatif terbaik yang berseesuaian dengan norma baharu untuk masyarakat Cina menikmati suasana perayaan di kediaman masing-masing.

Katanya, sebanyak 12 persembahan nyanyian, tarian dan kebudayaan akan disiarkan untuk program yang menelan kos penganjuran RM414,000 antaranya melibatkan kumpulan tarian kebudayaan Cina bertaraf antarabangsa.

Mengulas tema Tahun Baru, Harapan Baru, Teng berkata pemilihannya

dibuat bagi memberi semangat kepada masyarakat yang telah hampir setahun dilanda pandemik Covid-19.

"Sejak Covid-19 melanda, ramai kehilangan kerja, perniagaan dan kehidupan terjejas, tidak boleh ke sekolah, serta ditangguh peperiksaan. Disebabkan itu, Tahun Baru Cina ini adalah perayaan penting bagi masyarakat Tiang Hua untuk kita perbaharui azam dan mahu bebas daripada belunggu penyakit," katanya.

Teng turut menasihati masyarakat Cina supaya kekal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) semasa menyambut perayaan Tahun Baru Cina minggu depan.





KERATAN AKHBAR		
2 February 2021		
Akhir	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Siasatan peringkat akhir
Muka Surat	:	13

'AGAMA MELAYU'

Siasatan peringkat akhir

Oleh **Nor Fazlina Abdul Rahim**
 nfazlina@nstp.com.my

Tumpat

Siasatan berhubung agama baharu dikenali sebagai 'Agama Melayu' yang menolak ajaran Islam, kini berada di peringkat akhir dan dijangka selesai dalam masa terdekat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Ahmad Marzuk Shaary (**gambar**) berkata, sebaik siasatan selesai, pihaknya akan membuat pengumuman.

Katanya, kes berkenaan diserahkan kepada Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (Jais) untuk menyiasat memandangkan kes berkenaan di Selangor.

"Sekiranya siasatan mendapati wujud penyelewengan ajaran sesat, Jais akan mengambil tindakan lanjut termasuk proses pendakwaan di mahkamah.

"Bagaimanapun, saya menasihatkan orang ramai supaya tidak cepat untuk menghukum seseorang individu berdasarkan vi-

deo yang tular.

"Sebaliknya perkara itu perlu diserahkan kepada pihak berkuasa agama untuk menyiasat. Ini kerana soal penyelewengan akidah hanya boleh dinilai pihak tertentu, bukan semua orang boleh tentukan," katanya pada sidang media selepas menyerahkan bantuan Tabung Musaadah Covid-19 Jakim-Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) di sini, semalam.

Media sebelum ini melaporkan pihak berkuasa agama menyiasat dan meneliti tindakan sewajarnya berhubung isu agama baharu dikenali sebagai 'Agama Melayu' yang menolak ajaran Islam.

Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), Nasrudin Hassan berkata, sebagai agensi dakwah, pihaknya sentiasa bersedia untuk memberi kefahaman, pemurnian akidah dan fikrah.

Mengulas lanjut, Ahmad Marzuk berkata, pihaknya menerima laporan berkaitan perkara berkenaan minggu lalu selepas tular sebuah video sebelum Jais membuat siasatan.





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
2 February 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Maaf.. jangan cari kami
Muka Surat	:	23

Oleh Hafidzul Hilmi
 Mohd Noor
 hafidzul@hmetro.com.my

'Maaf...jangan cari kami'

Kuala Lumpur

Selepas memberi amaran kepada kerajaan Malaysia minggu lalu, kumpulan penggadam *Cyberpunk Team* melakukan serangan di beberapa laman sesawang milik kerajaan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) tengah malam kelmarin. Perkaranya itu dimaklumkan kumpulan berkenaan menerusi status yang dimuat naik di laman Facebook *Anonymous Malaysia* dan mendakwa mula menyerang beberapa portal kerajaan sejak malam kelmarin. Antara yang menjadi sasaran kumpulan itu terma-

Cyberpunk Team serang beberapa portal kerajaan sejak malam kelmarin

suk portal kerajaan negeri Sabah, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Majlis Perbandaran Selangor. Kumpulan penggadam itu turut menggadam portal *perak.my*, bagaimanapun tidak dapat dipastikan sama ada ia laman sesawang yang ada kaitan dengan kerajaan negeri Perak. Semakan *Harian Metro* mendapati kumpulan tersebut meninggalkan pesanan di laman sesawang yang digodam dan meminta

pentadbir laman sesawang menjaga keselamatan portal mereka. "Kepada pentadbir laman web (sesawang), kami menemu-lah laman web anda terdedah dengan ancaman penggadaman, sila pastikan laman web anda selamat. "Kami memohon maaf kerana menggadam laman web anda, jangan cuba mencari kami kerana kami hanya ingin memastikan laman web anda tidak la-

gi terdedah," kata kumpulan penggadam itu dalam portal yang digodam mereka. Kumpulan itu turut meninggalkan e-mel untuk menghubungi mereka dalam laman sesawang yang digodam. Bagaimanapun semua laman sesawang yang digodam berkenaan pulih seperti sedia kala, semalam. Minggu lalu, *Cyberpunk Team* melalui laman Facebook *Anonymous Malaysia* kembali mun-

cul menghantui laman sesawang dan aset dalam talian negara ini selepas lima tahun berdiam diri. Kemunculan kembali kumpulan itu dibuktikan menerusi satu video berdurasi 2.29 minit yang dikongsikan di laman sosial Facebooknya. Menerusi mesej video itu, kumpulan berkenaan berjanji untuk mengadakan serangan siber terhadap laman web kerajaan dan aset atas talian dikenali sebagai #OpsWaketP21. Majlis Keselamatan Negara (MKN) melalui Agensi

Keselamatan Siber Negara (Nacsas) memandang serius ancaman pihak tertentu mahu menggadam laman sesawang kerajaan menerusi penularan satu video yang dikeluarkan *Anonymous Malaysia* di platform media sosial baru-baru ini. MKN dalam satu kenyataan dilaporkan berkata, sehubungan itu, Nacsas sudah mengeluarkan satu notis amaran kepada semua agensi kerajaan untuk mengambil langkah perlu bagi mencegah dan meminimumkan impak ancaman serangan itu.

Tinggalkan e-mel untuk berhubung dalam laman sesawang yang digodam



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 2 February 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Laman web kastam, CIDB digodam
Muka Surat	:	2

Penggodam Anonymous Malaysia serang portal kerajaan dan agensinya

Laman web kastam, CIDB digodam

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

PETALING JAYA – Penggodam laman sesawang bergelair Anonymous Malaysia mula membuat serangan siber ke atas portal-portal milik kerajaan dan agensinya dengan menjadikan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) antara mangsa pertama.


Selain dua portal itu, mereka turut menggodam laman web Kerajaan Negeri Sabah, Perak, my dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dengan meninggalkan logo cyberpunk di situ.

Serangan tersebut dimaklumkan mereka pada awal pagi semalam di laman Facebook Anonymous Malaysia dengan kata-kata *cyberpunk team has started the party* (kumpulan cyberpunk telah memulakan parti).

Kumpulan itu mengotakan janji mereka untuk melakukan serangan siber selepas memberi ugutan kedua kepada kerajaan pada minggu lalu.

Minggu lalu, Anonymous Malaysia kembali muncul menghantui laman web dan aset dalam talian selepas lima tahun berdiri.

Menerusi mesej video dimuat



ANONYMOUS Malaysia memuat naik gambar lelaki bertopeng di laman Facebooknya ketika memberi amaran serangan siber baru-baru ini.



KERATAN Kosmo! 27 Januari 2021.

naik kumpulan itu, mereka berjanji untuk mengadakan serangan siber terhadap laman web kerajaan dan aset atas talian

dikenali sebagai #OpsWakeUp21.

Sementara itu, Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Siber Malaysia, Dr. Mohd. Fazli Azran berkata, Serangan Alih Muka Web (Defacement) boleh menjadi lebih besar sekiranya tiada tindakan segera daripada kerajaan.

"Ketika ini, beberapa agensi seperti JKDM dan CIDB telah digodam dan tidak mustahil agensi lebih besar akan berdepan nasib sama jika tiada tindakan tegas kerajaan.

"Modus operandi juga lebih



LOGO cyberpunk yang didakwa ditinggalkan di laman web MPS disyaki dilakukan oleh Anonymous Malaysia sebelum ia dibalk pulih.

bersifat misteri kerana tidak memberikan pautan URL dan memerlukan pengendali sistem mencari sendiri kesilapan," ujarnya.

Tinjauan Kosmo! di laman sesawang milik Kerajaan Negeri Sa-

bah dan MPS turut menunjukkan berlakunya penggodaman dengan menunjukkan paparan logo 'cyberpunk' di laman itu.

Sementara itu, pihak MPS dan CIDB ketika dihubungi enggan memberi sebarang ulasan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
2 February 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Siasatan 'Agama Melayu' hampir selesai
Muka Surat	:	12

Keputusan akan didedah selepas siasatan JAIS lengkap

Siasatan 'Agama Melayu' hampir selesai

Oleh YATIMIN ABDULLAH

TUMPAT - Siasatan menyeluruh berhubung ajaran sesat 'Agama Melayu' yang didedahkan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) dijangka hampir selesai.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Ahmad Marzuk Shaary berkata, siasatan mengenai ajaran itu sedang dijalankan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan akan didedahkan sekiranya selesai tidak lama lagi.

Menurut beliau, buat masa ini, pihak kementerian menerusi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) memberi kerjasama penuh dan percaya akan kredibiliti JAIS dalam melakukan siasatan kes tersebut.

"Jika ada kes (wujudnya aspek penyelewengan dalam ajaran 'Agama Melayu'), kita akan kemukakan kepada pihak pendakwaan untuk tindakan selanjutnya.

"Jakim menerima laporan berhubung kes ini pada minggu lalu selepas satu video upacara ritual berkaitan ajaran itu tular di media sosial," katanya.



KERATAN Kosmo! 30 Januari 2021.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyampaikan sumbangan Jabatan Wakaf Haji dan Umrah (Jauhar) kepada Hospital Tumpat di sini semalam.

Kosmo! pada Sabtu lalu melaporkan orang ramai dinasihatkan agar tidak terpengaruh dengan ajaran baharu dikenali sebagai 'Agama Melayu' yang didakwa sebagai sesat lagi menyesatkan.

Yang Dipertua Yadim, Nasrudin Hassan berkata, pihak berkuasa agama sedang menyasat perkara itu selain memberi kefahaman aqidah dan fikrah.

Mengulas lanjut, Ahmad Marzuk memberitahu, pihaknya pernah menerima laporan berhubung berkaitan satu ajaran sesat



AHMAD MARZUK (dua dari kiri) menyerahkan sumbangan kepada Pengarah Hospital Tumpat, Dr. Aminah Rusmin Ghazali untuk pesakit Covid-19 di Tumpat semalam.

di Pahang baru-baru ini.

Jelas beliau, Jakim akan manjangkan perkara itu kepada Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan Hal Ehwal Islam pada

16 Februari ini untuk diteliti kandungan ajaran tersebut sekiranya bertentangan dengan Islam.

"Saya ingin menasihatkan orang ramai agar tidak cepat

menghukum sesuatu perkara berkaitan dengan ajaran sesat.

"Kita serah kepada yang pakar untuk membuat keputusan," kata beliau.



KERATAN AKHBAR 2 February 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kertas siasatan kes ajaran Islam Melayu hampir lengkap, kata Ahmad Marzuk
Muka Surat	:	15

Kertas siasatan kes ajaran Islam Melayu hampir lengkap, kata Ahmad Marzuk

TUMPAT - Kertas siasatan terhadap dakwaan ajaran Islam Melayu yang dikendalikan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) hampir lengkap dan dalam proses seterusnya sebelum pendakwaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Ahmad Marzuk Shaary berkata, kes itu diserahkan kepada JAIS kerana ia di bawah bidang kuasa agama negeri.

Menurutnya, siasatan masih lagi berjalan dan Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (Jakim) akan memberikan kerjasama untuk memperkemas lagi siasatan.

"Setakat ini kita sangat berpuas hati dan dapat rasakan kredibiliti yang dipamerkan JAIS dalam melaksanakan tugas-tugas penyiasatan dakwaan



Ahmad Marzuk bercakap kepada pemberita di Tumpat pada Isnin.

ajaran Islam Melayu ini.

"Bila sampai kepada peringkat akhir, insya-ALLAH sekiranya ada kes penyelewengan (agama), pihak berkuasa akan melakukan langkah

seterusnya iaitu proses pendakwaan," katanya kepada pemberita di sini pada Isnin.

Ahmad Marzuk berkata, pihaknya menerima laporan sebaik sahaja tular video memper-

lihatkan satu ritual yang agak asing kepada orang Islam baru-baru ini.

Katanya, kes tersebut akan diselesaikan dalam masa terdekat dan satu pengumuman akan dibuat dalam masa terdekat.

"Satu lagi ajaran di Pahang iaitu Doktor Awang Masri juga akan dipanjangkan kepada Muzakarah Kebangsaan Hal Ehwal Islam pada 16 Februari nanti untuk diteliti kandungan ajaran adakah benar atau sebaliknya," katanya.

Terdahulu, tular satu rakaman video di media sosial menunjukkan individu melakukan upacara paluan gong dipercayai ritual ajaran agama Melayu di sebuah pulau yang dipercayai Pulau Besar.

Video tersebut turut mengaitkan seorang individu dikenali sebagai Ibu Yati yang

dikatakan membawa ajaran berkenaan.

Sinar Harian pada Jumaat melaporkan Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), Nasrudin Hassan menasihatkan orang ramai agar tidak terpengaruh dengan ajaran Islam Melayu dibawakan individu terbabit.

Beliau berkata, kelahiran agama baharu yang dikenali sebagai Agama Melayu itu menolak ajaran Islam yang dianggap sebagai Islam Arab serta mengakui membawa ajaran Islam Melayu.

Sementara itu, Ahmad Marzuk turut menasihatkan orang ramai supaya jangan cepat percaya sesuatu hanya berdasarkan video yang tular, sebaliknya menyerahkan kepada pihak berkuasa yang lebih pakar untuk menjalankan siasatan.



KERATAN AKHBAR
2 February 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Perlu proaktif pulihara bangunan bersejarah
Muka Surat	:	16

Perlu proaktif pulihara bangunan bersejarah



ANALISIS
MUKA 16

ZURAIMIE ZAINAL

Setiap negara mempunyai bangunan bersejarah yang memiliki keunikan tersendiri.

Bangunan atau monumen bersejarah selain pembacaan kisah tokoh sejarah baik politik, ekonomi dan sosial disifatkan antara elemen penting dalam pembentukan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat terutama generasi muda.

Monumen bersejarah ini penting untuk dikekalkan sebagai rujukan kerana ia adalah bukti kukuh kepada sesuatu peristiwa atau era yang pernah berlaku dahulu.

Secara psikologinya monumen ini dapat menjadi pengisian dalam pembentukan jati diri generasi muda tidak hanya mengenai pengorbanan generasi terdahulu dalam memperjuangkan kemerdekaan negara sebelum ini tetapi juga pembinaan ketamadunan bangsa Malaysia.

Menurut *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat* - Monumen merujuk kepada bangunan yang dibina untuk memperingati seseorang atau peristiwa penting.

Malaysia memiliki banyak monumen mengikut era yang mempunyai nilai tidak hanya mempunyai nilai komersial memacu industri perlancongan tetapi juga menyuntik semangat patriotisme.

Dari utara, Stesen Keretapi Padang Besar (Perlis); Masjid Zahir, Lembah Bujang (Kedah); Kota Cor-

nwallis, Penang Free School, Rumah P. Ramlee, Muzium Perang (Pulau Pinang); Istana Iskandariah, Istana Kellie's, Menara Jam Condong Teluk Intan (Perak).

Di tengah pula, Bukit Malawati, Jambatan Kota, Masjid Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah, Istana Alam Shah manakala ibu kota Kuala Lumpur pula dengan bangunan Abdul Samad, Stadium Merdeka, Stesen Keretapi Kuala Lumpur, Carcosa Seri Negara, Tugu Negara.

Rantaian selatan pula tidak kurang hebat dengan Istana Lama Seri Menanti, Teratak Za'aba, Muzium Tentera Darat (Negeri Sembilan); Kota A Famosa, bangunan Stadthuis, Gereja St Paul (Melaka); Masjid Sultan Abu Bakar, bangunan Sultan Ibrahim, Muzium Sultan Abu Bakar dan Balai Polis Bukit Kepong (Johor).

Jajaran pantai timur pula ada Jambatan Gantung Sungai Lembing (Pahang); Pintu Kota Istana Balai Besar (Kelantan); Masjid Abidin (Masjid Putih), Batu Bersurat Padang Tara (Terengganu).

Untuk generasi gajet terus mengikut kisah sejarah monumen tidak menjadi sebarang masalah dengan kecanggihan teknologi telekomunikasi pada masa kini melalui platform WhatsApp, Telegram, Tik Tok dan sebagainya.

Namun, cabaran sebenar adalah untuk mengekalkan monumen ini untuk terus menjadi tatapan generasi masa depan.

Antaranya cabaran kewangan yang menyaksikan beberapa kawasan bersejarah berada dalam wilayah segitiga ekonomi yang mempunyai pasaran hartanah tinggi.

Selain itu, kurangnya tenaga pakar dalam kalangan rakyat tempat-

an bidang pemuliharaan baik bangunan bersejarah ini juga secara tidak langsung menjadikan sesuatu kerja pembaikan mengambil tempoh masa yang panjang.

Faktor kurangnya kesedaran dalam kalangan segelintir anggota masyarakat khususnya terhadap nilai sentimental sesebuah monumen juga mengundang kepada berlakunya vandalisme terhadap produk sejarah lalu ini.

Pulihara

Pada Ahad, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah menerusi Facebook rasmi Selangor Royal Office supaya semua pihak bertanggungjawab memperhebatkan usaha berkaitan pemuliharaan dan pemeliharaan monumen bersejarah berkaitan negeri itu terutamanya di Kuala Lumpur.

Sultan Sharafuddin bimbang sekiranya bangunan bersejarah itu tidak dipulihara segera serta terbiar berkemungkinan monumen itu akan runtuh atau rosak sehingga tidak boleh diselamatkan lagi.

Kesimpulannya, usaha pemuliharaan dan pemeliharaan monumen bersejarah ini memerlukan sokongan padu secara konsisten tidak hanya dalam kalangan rakyat, pertumbuhan bukan kerajaan (NGO) tetapi juga komitmen sektor korporat dan kerajaan negara ini.

Paling penting cara berfikir setiap anggota masyarakat juga perlu berubah dengan tidak menganggap monumen lama sebagai barangan lama sebaliknya sebagai sesuatu yang tak lapuk dek hujan, tak lekap dek panas.

* Zuraimie Zainal ialah Penyunting Sinar Harian



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
2 February 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kecewa, kesal aduan tak diendah
Muka Surat	:	22

Kecewa, kesal aduan tak diendah

Penduduk PPR Lembah Subang 1 dakwa kawasan rumah kotor, kemudahan rosak

Oleh ENGU SHARIFUL AZNI

PETALING JAYA

Penduduk di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1 di sini kesal dan kecewa dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) serta pihak pengurusan kerana didakwa tidak mengendahkan aduan mereka mengenai persekitaran tidak selesa akibat longgokan sampah termasuk kerosakan kemudahan di bangunan itu.

Tinjauan *Sinar Harian* pada Isnin mendapati keadaan di PPR sangat kotor dengan timbunan sampah di antara blok-blok kediaman yang mengeluarkan bau busuk di kawasan sekitarnya.

Selain itu, tinjauan juga mendapati kemudahan lain seperti tangga, kamera litar tertutup (CCTV) dan taman permainan rosak akibat tiada penyelenggaraan baik daripada



Longgokan sampah antara blok-blok kediaman yang tidak terurus sehingga mengeluarkan bau busuk.

pihak pengurusan di sini.

Salah seorang penduduk di sini yang mahu dikenali sebagai Niza, 43, berkata, kehadiran orang tempatan dan warga asing yang menceroboh dan tinggal secara haram di sini menyusahkan kehidupannya.

Menurut ibu tunggal itu, dia pernah bergelap selama beberapa hari kerana bekalan elektrik di rumahnya terputus akibat wayar penyambung elektrik di rumah dicuri pinginap haram itu.

"Mereka (penceroboh) juga pernah buang sampah di depan rumah saya sehingga kawasan

depan rumah saya berbau busuk kerana berendam dengan saya tanpa sebab yang munasabah.

"Sudah banyak kali saya adukan kepada PBT dan pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), tapi mereka langsung tak peduli dengan kami di sini, katanya yang telah tinggal di kawasan itu sejak 16 tahun lalu.

Seorang peniaga air tebu yang mahu dikenali sebagai Abu, 36, pula berkata, pihaknya pernah terkesan dengan sikap penceroboh haram yang selalu mencampakkan sampah dari tingkat atas ke aras bawah.

Ujar Abu, dia dan rakan-



Taman permainan rosak akibat tidak diselenggara oleh pihak pengurusan.

rakan pernah bekerjasama untuk membersihkan kawasan di bloknya dengan upah sebanyak RM10 setiap rumah, namun golongan tersebut tidak mahu memberi kerjasama.

"Kita tidak tahu siapa buang sampah kerana kamera CCTV di sini pun selalu rosak.

"Jadi, saya ambil inisiatif untuk membayar tukang cuci untuk bersihkan kawasan rumah dengan upah RM10 setiap rumah. Itu pun mereka (penceroboh) tidak beri kerjasama," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Dalam pada itu, seorang

penduduk yang mahu dikenali sebagai Lina, 48, berkata, dia berasa kurang selesa dan tidak selamat apabila mengetahui ramai penceroboh terutama daripada golongan warga asing yang tinggal di sini secara haram.

Dakwanya, pihak PBT tidak pernah datang untuk memeriksa kawasan PPR itu untuk memastikan penduduknya tinggal secara sah.

"Sepanjang lebih lima tahun tinggal di sini, saya tidak pernah nampak PBT buat pemeriksaan untuk banteras warga asing yang tinggal di PPR ini secara haram," katanya.



KERATAN AKHBAR
2 February 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Pengurusan PPR Lembah Subang 1 bawah seliaan KPKT, bukan PBT
Muka Surat	:	22

Pengurusan PPR Lembah Subang 1 bawah seliaan KPKT, bukan PBT

PETALING JAYA - Pengurusan dan penyelenggaraan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1 adalah di bawah kawalan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan bukannya di bawah seliaan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Setia, Halimey Abu Bakar berkata, Menteri KPKT sebelum ini, Tan Sri Noh Omar tidak mahu mana-mana pihak berkuasa tempatan (PBT) kerajaan negeri masuk campur urusan Lembah Subang.

Namun begitu katanya, kementerian berkenaan tidak melakukan pemantauan terhadap penghuni di PPR itu.

“Kerajaan Selangor pernah mengadakan serbuan pada tahun lepas yang berjaya menurunkan jumlah penyewa haram yang tinggal di PPR berkenaan.

“Namun, sejak bertukar kerajaan, sudah tiada pemantauan daripada pihak KPKT sehingga kini,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Mengulas lanjut, Halimey berkata, dia peka dengan aduan penduduk di ka-



HALIMEY

wasan itu yang tidak selesai dengan pencerobohan warga asing serta pengurusan sisa domestik yang tidak efisien.

Katanya, pihaknya juga berharap KPKT melantik kontraktor penyelenggaraan bangunan dan pengurusan sampah pukal pada kadar segera untuk menyelesaikan keresahan penduduk.

“Saya juga akan hantar surat kepada KPKT terutama kepada menterinya, Datuk Zuraida Kamaruddin untuk membincangkan masalah ini,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Blok D PPR Lembah Subang 1, Hairuddin Idris berkata, pencerobohan orang tempatan di PPR Lembah Subang 1 ini bermula sejak 2006 hingga 2007 apabila penghuni asal berpindah kerana sudah mempunyai rumah sendiri.

Beliau berkata, penghuni asal tersebut tidak menyerahkan kunci rumah kepada MBPJ, sebaliknya menyewakan rumah tersebut kepada individu yang memerlukan rumah pada kadar yang tinggi.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

1 February 2021

Akhbar	:	Bername Radio 24
Tajuk Berita	:	Sambutan Tahun Baru Cina Secara Maya
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
1 February 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Pembukaan pasar pagi secara berperingkat, - MPK
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
1 February 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	Rai Tahun Baru Harapan Baru 12 Februari ini
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
31 January 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	22 pasar tani di Selangor beroperasi mulai hari ini
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
31 January 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	ADN: 200 tablet bantu murid B40 belajar dalam talian
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
31 January 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	DUN Bukit Melawati tawar saringan RTK berharga RM40, RM20
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
31 January 2021

Akhbar	:	Selangor TV
Tajuk Berita	:	MPK: Pasar pagi dibuka mulai esok, patuh SOP
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 2 February 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	COUNCIL MATTERS
Muka Surat	:	2

COUNCIL MATTERS

- > Throughout the movement control order period, Kuala Lumpur City Hall's (DBKL) One-Stop Licence Counter on Level 5, Menara DBKL 2 will be open from 9am to 1pm on Mondays, Wednesdays and Fridays.
- > DBKL is calling on residents to display the Federal Territory flag to mark the occasion and lift spirits in conjunction with Federal Territory Day.
- > Sepang Municipal Council is calling all residents of low-cost housing projects as well as traditional and new villages who have paid their assessment to seek their refund as the Selangor government has waived payments for 2021. For details, call 03-8319 0266 (Treasury Department).
- > Subang Jaya City Council is calling for nominations for Anugerah Subang Jaya Gemilang Bersama (ASJGB). Submission is open until Feb 28. Participation is free and open to all government and private agencies, learning institutions and the public within the council's jurisdiction. For details and registration, visit www.mbsj.gov.my or portal.mbsj.gov.my/ms/node/1864



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



KERATAN AKHBAR		
2 February 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Glad to be back in business
Muka Surat	:	2



A barrier is placed in the middle of the road at the Jalan Tasek night market in Klang to ensure one-way flow of people. Photo: CHENAI and GANAU/ The Star

Glad to be back in business

Battling Covid-19

Traders eager to make up for lost time, earn income during festive period

By JARDUM LIM

jar@thestar.com.my

IT WAS A great moment for night market traders, at several locations in the Klang Valley, as they reopened their business after more than two weeks of second movement control order. They expressed their gladness that the government was allowing them to reopen as Friday evening traders in Kuala Lumpur would have to adhere to tighter market-opening procedures (MOP).

There will be a limit of one visit per stall at night markets in the capital city.

This knowledge comes from four Covid-19 positive cases reported at two Kajang evening markets which led to one of the markets being closed for 10 days.

"We do not want any Covid-19 infections in evening and night markets and we want the SOP to be enforced rigorously to prevent infections among traders and visitors," a Kuala Lumpur City Hall (KLCC) spokesperson said when contacted.

"We urge all parties to adhere to the SOP at all times, as the public has the right to issue complaints to report breaching the procedures," KLCC said.

The KLCC spokesperson stated that all night markets in Kuala Lumpur were allowed to open while several night market associations in Klang and Seremban have also been granted the green light for the weekend.

On the same day, the National Security Council (NSC) issued that night markets were allowed to operate from 6pm to 10pm under the SOP guidelines but this was subsequently reversed.

A Kuala Lumpur City Hall spokesman said that he had to set up the guidelines by 6pm.

"Some night market traders in Setia Alam, Shah Alam chose to capitulate as MCO's announcement is their sales tactic."

"Come and have the Chinese New Year biscuits before we are



Visitors going through temperature screening and scanning the MySajatera QR code before entering the Taman Midah night market in Cheras.



Lohi (above) Baner (below) Long Peng (right) Traders Association has submitted an application to MPO to reopen the night market there.

not allowed to open again," yelled a night market trader, selling live grass carp in Seremban.

Not aligned

In addition to the confusion, different local authorities in Selangor are adopting varying approaches, including the Klang Night Market Association secretary Ken Lee said.



Traders who rely solely on night market visitors to make a living, the two-week closure has been a tough time for them.

